



MAKLUM BALAS KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BAGI LAPORAN MEDIA MENGENAI PEMBERHENTIAN PEKERJA BERIKUTAN ANCAMAN COVID-19

Kementerian Sumber Manusia (KSM) merujuk kepada laporan media yang menyebut bahawa pemberhentian pekerja boleh mencecah sehingga 100,000 orang tahun ini jika ancaman COVID-19 berterusan.

Anggaran seramai 100,000 orang pekerja akan diberhentikan adalah bersifat spekulatif sahaja. Anggaran ini tidak mengambil kira pelbagai inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi melindungi pekerja dan menambahbaik kecekapan pasaran buruh negara untuk menangani pelbagai cabaran sosio-ekonomi termasuklah ancaman COVID-19 ini.

Pada tahun 2019, seramai 40,084 pekerja telah kehilangan pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah PERKESO berjaya menempatkan semula 18,745 pekerja dalam pekerjaan manakala selebihnya masih menerima bantuan dan khidmat sokongan SIP seperti carian kerja dan menjalani program latihan. PERKESO telah membelanjakan RM107 juta bagi membantu pekerja yang terjejas dengan memberikan faedah kewangan dan khidmat sokongan pekerjaan.

Sejak ancaman COVID-19 muncul, bilangan pekerja yang diberhentikan masih menunjukkan trend yang normal dan tidak meningkat secara mendadak. Setakat 18 Februari 2020, seramai 8,588 pekerja kehilangan pekerjaan dan PERKESO telah membelanjakan RM21 juta bagi membantu mereka. KSM amat menggalakkan golongan pekerja yang terjejas untuk menghantar permohonan secara atas talian di <https://eis.perkeso.gov.my/> dan mendaftar sebagai pencari kerja di <https://eisjobs.perkeso.gov.my/> atau hadir ke mana-mana pejabat PERKESO terdekat untuk menerima bantuan SIP.

SIP menyediakan faedah kewangan segera iaitu Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) bagi tempoh 3 hingga 6 bulan. Pekerja yang layak akan menerima EMP sebanyak 80% daripada gaji bulanan anggapan bagi faedah SIP bulan pertama, 50% pada bulan kedua, 40% pada bulan ketiga dan keempat dan 30% pada bulan kelima dan keenam. Sebagai contoh, pekerja dengan gaji bulanan

anggapan RM2,450 akan menerima EMP sebanyak RM1,960 bagi bulan pertama, RM1,225 bagi bulan kedua, RM980 bagi bulan ketiga dan keempat dan RM735 bagi bulan kelima dan keenam. Selain itu, pekerja akan diberi bantuan program penempatan pekerjaan semula dan program latihan bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka.

KSM ingin menegaskan bahawa tindakan memberhentikan pekerja adalah langkah terakhir yang boleh diambil oleh majikan. Berdasarkan Tatacara Keharmoniaan Perusahaan, majikan hendaklah terlebih dahulu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan pemberhentian pekerja. Ini termasuklah membekukan pengambilan pekerja baharu, mengehendkan kerja lebih masa, mengehendkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am serta pelbagai langkah lain.

KSM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya tanpa mengikut lunas undang-undang yang berkuatkuasa. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia sentiasa memantau kepatuhan majikan terhadap undang-undang perburuhan bagi memastikan kebajikan golongan pekerja khususnya warga tempatan dilindungi.

KSM telah bersiap sedia untuk membendung kesan ancaman virus COVID-19 terhadap pasaran buruh sekiranya ia berterusan. KSM yakin pakej rangsangan ekonomi yang bakal diumumkan YAB Perdana Menteri dalam masa terdekat akan meletakkan negara dalam kedudukan terbaik untuk mendapat manfaat daripada pemulihan semula ekonomi dunia selepas ancaman penularan COVID-19 berakhir.

**Kementerian Sumber Manusia
Putrajaya.
19 Febuari 2020**